

Hussein: Nilai kerohanian perlu juga ditingkat

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Hussein Onn malam ini menegaskan usaha-usaha mempertingkatkan kemampuan Angkatan Tentera tidak akan berjaya sepenuhnya sekiranya kemampuan anggota-anggota Angkatan Tentera di segi kerohanian tidak sama-sama ditingkatkan.

"Aspek kerohanian begitu penting memandangkan kemampuan dan kebolehan sesuatu Angkatan Tentera tidak semata-mata bergantung kepada kelengkapan dan alat senjatanya, tetapi juga kepada disiplin dan semangat yang disemai dengan nilai-nilai kerohanian," tambahnya.

Perdana Menteri yang berucap di majlis penyampaian hadiah Musabaqah Membaca al-Quran Angkatan Tentera di sini, menyeru anggota tentera berpegang teguh kepada ajaran al-Quran kerana ia merupakan perisai dan senjata yang penting.

"Semangat, disiplin dan strategi peperangan bagi kepentingan umat jelas diterangkan di dalam al-Quran," jelasnya.

Ia bukan sahaja mengandungi perkara-perkara mengenai keimanan, ibadat dan akhirat, juga aspek-aspek keduniaan seperti politik, pentadbiran, ekonomi, perniagaan hinggalah kepada ketenteraan."

Belliau berkata, bagi mendapat faedah darinya, seseorang Islam adalah digalakkan membaca, mengulangi dan meneliti maksud kandungannya dan musabaqah ini adalah salah satu aktiviti yang boleh membantu mencapai tujuan itu.

Datuk Hussein mengingatkan, walaupun tugas anggota tentera amat berat, tetapi ia tidak bermakna perintah-perintah Allah boleh diringan-ringan.

"Malahan dengan mematuhi peraturan-peraturan agamalah anggota-anggota tentera dapat membuktikan semangat dan disiplin ketenteraan mereka yang tulen," tambahnya lagi.

Belliau berpendapat, sekiranya setiap umat Islam sentiasa berusaha memperbaiki dirinya sebagaimana dituntut oleh Islam, mereka sudah tentu akan menjadi umat yang kuat.

Belliau memberitahu, selaras dengan pem-

besaran Angkatan Tentera dan keutamaan yang diberikan kepada aspek kerohanian, Cawangan Agama Angkatan Tentera akan diperbesarkan.

"Rancangan sedang dibuat untuk menubuhkan sebuah Jabatanarah Agama, diikuti dengan penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera.

Saya menyokong penuh rancangan ini memandangkan mustahaknya kita mempunyai kakitangan yang cukup untuk memberi latihan rohani melalui agama kepada semua anggota Angkatan Tentera," tambahnya.

Belliau, sewaktu merakamkan pengharganya kepada anggota-anggota Angkatan Tentera yang mengadakan perbarisan perpisahan khas untuknya di sebelah pagi, berkata: "Saya sungguh kagum dengan perbarisan oleh seramai kira-kira 3,000 anggota daripada ketiga-tiga perkhidmatan.

"Upacara perbarisan yang penuh gemilang itu adalah satu penghormatan yang akan sentiasa kekal di dalam kenangan saya."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia